

U701

U 8809 AA 5

MAHATHXR - FERI 1984

KUALALUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) -- PERKHIDMATAN FERI UDARA MUNGKINDIPERKENALKAN DI NEGARA INI UNTUK MENGANGKUT PENUMPANG ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN SABAH DAN SARAWAK, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI L NI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDANG MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN PERKHIDMATAN BARU ITU SETELAH KAJIAN DIBUAT SAMADA IA LEBIH MUDAH ATAU MURAH DILAKSANAKAN DARIPADA PERKHIDMATAN FERILAUT.

KABINET TELAH MENGARAHKAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN YANG DIJANGKA DAPAT DISIAPKAN DALAM MASA SEBULAN LAGI, KATANYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI PEJABATNYA.

SEMALAM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR. JAMES ONGKILI BERKATA BELIAU AKAN MENGEMUKAKAN SATU LAPORAN MENGENAI PERKHIDMATAN FERI ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN SABAH DAN SARAWAK KEPADA KABINET.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KABINET TELAH MENANGGUHKAN KEPUTUSANNYA MENGENAI PERKHIDMATAN FERI LAUT YANG DICADANGKAN DALAM LAPORAN ITU.

+ KITA BELUM MENENTUKAN SAMADA HENDAK MELAKSANAKAN ATAU TIDAK PERKHIDMATAN FERILAUT ITU KERANA KITA BARU HENDAK MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN FERI UDARA. KITA AKAN BUAT KEPUTUSAN SEBULAN LAGI. + BERNAMA

1614MST 26. 10 84